

Akhbar Britain siar surat Mahathir

18 MAR 1994

LONDON, Khamis — Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengutus surat kepada akhbar *Financial Times* bagi menjelaskan keputusan kerajaannya mengenakan sekatan perdagangan terhadap Britain kerana marah dengan laporan akhbar negara itu berhubung isu empangan Pergau.

Menurut suratnya yang menjelaskan sepenuhnya tindakan itu, Dr Mahathir, dengan nada tegas, berkata: "Bagi Malaysia, keputusan sudah ditetapkan. Tiada lagi kontrak sebagai pertukaran kepada kebebasan akhbar Britain membuat penipuan berita."

Akhbar itu menyiarkan surat Perdana Menteri itu hari ini.

Sementara itu menurut laporan *Bernamea* malam ini, Pengarang *Sunday Times*, Andrew Neil dalam jawabannya kepada surat Dr Mahathir, menegaskan beliau akan terus menerbitkan apa saja laporan yang difikirkannya sesuai.

Beliau juga mengetepikan penafian Dr Mahathir bahawa sogokan firma British, Wimpey di Malaysia sebagai satu pendustaan.

Surat Dr Mahathir sekali lagi menjadikan Malaysia agenda utama berita di Britain. Ia menjadi bahan utama dalam siaran berita televisyen Perbadanan Penyiaran British (BBC) dan program hal-ehwal semasa radio, *Today* yang begitu berpengaruh.

Financial Times menyatakan, sekatan itu akan menyebabkan ahli perniagaan Britain kerugian

berjuta-juta pound.

Dalam surat beliau, Dr Mahathir juga berkata: "Jika anda bimbang, jangan jual senjata langsung. Negara Barat sungguh hipokrit dalam urusan niaga ini. Apabila senjata dijual, bayaran jangka panjang atau program mengurangkan kerugian atau syarat istimewa memang ditawarkan oleh sesiapa saja."

Beliau berkata: "Belum ada pihak yang dapat membuktikan secara kukuh bahawa ia (pinjaman bagi empangan Pergau) adalah pertukaran bagi membeli senjata."

Dr Mahathir berkata, faedah yang didapati oleh Malaysia selepas menerima pinjaman Pergau pada kadar faedah dengan subsidi sebanyak 0.8 peratus adalah 'kecil'.

Malaysia boleh mendapat syarat yang sama dari negara lain seperti Jepun.

Beliau menegaskan, jika subsidi pinjaman tidak ditawarkan bagi pembinaan empangan Pergau, kerja pembinaannya pasti dijalankan oleh syarikat negara lain'.

Financial Times menyatakan, Dr Mahathir nampaknya yakin media Britain menggambarkan pemimpin Malaysia 'mengamalkan rasuah' kerana 'mereka bukan dari Britain dan tidak berkulit putih'.

Beliau menekankan: "Dakwaan terhadap Perdana Menteri Malaysia diakui tidak berasas."

Dr Mahathir mengkritik *The Sunday Times* yang mendakwa ahli politik Malaysia ditawarkan rasuah oleh syarikat pembinaan, Wimpey. — Agensi